

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini akan membentangkan hasil kajian yang diperolehi. Dalam kajian ini terdapat empat persoalan kajian. Pembentangan keputusan-keputusan ini akan dibahagikan kepada 2 bahagian, Bahagian pertama ialah analisis deskriptif sampel kajian. Bahagian kedua ialah analisis inferensi terhadap dapatan tentang Pola Minat Kerjaya Pelajar, Perbezaan Minat Kerjaya antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan, Perbezaan Minat Kerjaya antara pelajar dari aliran Sains dan aliran Kemanusiaan serta Perbezaan Minat Kerjaya antara pelajar yang berpencapaian akademik tinggi, sederhana dan rendah.

#### 4.1 Data Mengenai Responden

Tujuan utama bahagian ini ialah untuk membentangkan data deskriptif sampel kajian iaitu dari segi jantina, aliran pengajian dan tahap pencapaian akademik. Jumlah sampel yang digunakan dalam kajian ialah 123 orang pelajar dari sebuah sekolah menengah di Felda, Negeri Johor. Daripada keseluruhan jumlah responden terdapat seramai 56 pelajar lelaki dan 67 pelajar perempuan. Manakala daripada keseluruhan jumlah pelajar yang menjadi responden kajian ini mereka terdiri daripada 52 orang pelajar aliran sains dan 71 orang pelajar aliran Kumanusiaan. Berdasarkan

gred pencapaian peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pula, responden ini diklasifikasikan kepada tiga kumpulan mengikut pencapaian akademik yang diperolehnya. Daripada 123 orang pelajar tersebut kumpulan yang berpencapaian akademik rendah ialah seramai 23 orang pelajar , 76 orang dalam kategori yang berpencapaian akademik sederhana dan 24 orang lagi dikategorikan dalam kumpulan yang mempunyai pencapaian akademik tinggi.

**JADUAL 4.1:** Profil Responden

Latar Belakang		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	56	45.5
	Perempuan	67	54.5
Aliran Pengajian	Sains	52	42.3
	Kemanusiaan	71	57.7
Pencapaian	Rendah	23	16.
Akademik	Sederhana	76	42.3
	Tinggi	24	19.5

#### **4.2 Pola Minat Kerjaya Pelajar**

Jadual 4.2 menunjukkan pola minat kerjaya di kalangan pelajar yang terlibat dalam kajian. Daripada 123 orang responden, seramai 45 orang yang tergolong dalam bidang Sosial, iaitu sepertiga daripada jumlah responden. Ini diikuti oleh 25 orang yang mempunyai minat dalam bidang Konvensional. Bagi kerjaya dalam bidang Realistik didapati seramai 20 orang tergolong dalam bidang kerjaya ini.

Seramai 14 orang dikategorikan dalam bidang Artistik, manakala 11 orang dalam kumpulan yang meminati bidang Investigatif dan hanya 8 orang yang tergolong dalam bidang Keushawanan.

Jadual 4.2 : Minat Kerjaya Pelajar

Pola Minat Kerjaya	Bilangan	Peratus
Realistik	20	16.3
Investigatif	11	8.9
Artistik	14	11.4
Sosial	45	36.6
Keushawanan	8	6.5
Konvensional	25	20.3

Jadual 4.2 di atas menunjukkan Pola Minat Kerjaya pelajar secara keseluruhan berasaskan kepada respons Ujian Kerjaya Holland . Seramai 45 orang pelajar (36.6%) berminat dalam bidang Sosial, 25 orang (20.3%) berminat dalam bidang Konvensional . Seramai 20 orang pelajar (16.3%) mempunyai kecenderungan dalam bidang Realistik. Oleh itu dapat diklasifikasikan bahawa bidang kerjaya yang diminati oleh pelajar dan melebihi 15.0 % ialah bidang-bidang Sosial iaitu sebanyak 36.6%, Konvensional sebanyak 20.3% dan Realistik sebanyak 16.3%.

Bagi kategori bidang kerjaya yang kurang diminati ialah Artistik kerana hanya seramai 14 orang pelajar (11.4%) memilih bidang tersebut. Bidang Investigatif adalah satu lagi bidang yang kurang diminati oleh para pelajar kerana hanya 11 orang pelajar (8.9%) yang berminat dalam bidang itu. Bidang kerjaya yang paling kurang diminati oleh para pelajar ini ialah bidang Keushawanan dimana seramai 8 orang

pelajar (6.5%) sahaja yang berkecenderungan dalam bidang ini. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan di sini bahawa bidang Sosial merupakan bidang kerjaya yang paling diminati oleh pelajar-pelajar tersebut.

Mengikut Holland individu yang mempunyai minat kerjaya dalam bidang Sosial adalah individu yang mempunyai kebolehan berinteraksi dan kemahiran Interpersonal yang tinggi. Mereka menggemari suasana dan aktiviti yang berbentuk keagamaan, kemasyarakatan dan kemanusiaan. Individu yang mempunyai personaliti Sosial mempunyai kecenderungan untuk menolong, peramah , bersikap responsif serta bersifat persuasif.

Kedudukan lokasi Felda serta pengendalian aktiviti ekonomi mungkin merupakan antara faktor yang menjana pemupukan minat kerjaya pelajar dalam bidang Sosial. Majoriti penduduk Felda ialah orang Melayu yang pada asalnya terdiri daripada kumpulan Melayu tradisi yang terpilih untuk menjadi anggota masyarakat Felda. Banyak ciri amalan budaya masyarakat Melayu Tradisional masih kekal diamalkan di kalangan penduduk di Felda. Apa yang unik ialah amalan budaya anggota masyarakat ini diturunkan generasi ke generasi anak-anak Felda. Memandangkan mereka mempraktikkan amalan budaya dan menjalankan aktiviti ekonomi yang hampir serupa menyebabkan tidak banyak perubahan dalam amalan sosial mereka, malah masih kuat diamalkan.

Lokasi rumah yang terdiri daripada petempatan yang berkelompok dimana kedudukan rumah peneroka terletak berdekatan antara satu sama lain menambahkan kejelekitan hubungan kekeluargaan. Pola penempatan yang sedemikian

meningkatkan hubungan dan interaksi semuanya yang kuat dan telah menyebabkan kehidupan mereka sebagai satu keluarga yang besar. Amalan budaya yang cukup mementingkan semangat kejiranahan menyebabkan kehidupan mereka penuh dengan amalan toleransi, permuafakatan serta saling bergantungan dan faktor sedemikian telah sekurang-kurangnya membantu suasana kehidupan di Felda berada dalam keadaan cukup harmonis dan selesa.

Ulasan yang dapat dikaitkan dengan pola minat kerjaya di kalangan pelajar di Felda ada kaitan rapat dengan situasi faktor petempatan dan persekitaran mereka. Ini dapat dilihat dalam aktiviti masyarakat Felda seperti ketika majlis perkahwinan, kematian, Hari-hari kebesaran orang Islam, majlis keraian dan seumpamanya dikelolakan secara kolektif dan saling bergantungan. Kebanyakan aktiviti tersebut biasanya dilaksanakan mengikut prosedur dan amalan yang sama, iaitu setiap aktiviti memerlukan mesyuarat dan permuafakatan di kalangan anggota jawatankuasa bertindak. Tugas menjayakan aktiviti bergantung kepada semua anggota penduduk Felda dalam menyempurnakannya. Dari sini, scenario yang jelas ialah semua pihak sama ada lelaki perempuan daripada kalangan tua, muda dan kanak-kanak turut serta dalam memastikan dan memeriahkan sesuatu aktiviti tersebut. Fenomena ini begitu jelas sehingga anak-anak di Felda membuat anggapan bahawa kehidupan mereka banyak bergantung kepada amalan sosio- budaya masyarakat setempat.

Faktor-faktor di atas dapat menyokong alasan terhadap kecenderungan minat kerjaya di kalangan pelajar-pelajar Felda dalam bidang sosial. Mengikut Holland, ciri-ciri individu dalam personaliti Sosial ialah mengutamakan sifat bertoleransi, suka

berinteraksi serta mementingkan kemahiran Interpersonal. Oleh itu, alasan ini amat kukuh untuk menyokong dapatan dimana 36.6% pelajar Felda berminat dalam bidang Sosial, iaitu seramai 45 daripada 123 orang responden.

Bidang Konvensional merupakan bidang kerjaya yang kedua banyak diminati oleh 20.3% pelajar. Sepertimana dalam aktiviti-aktiviti sosial yang streotaip amalannya di Felda, aktiviti ekonomi juga menunjukkan pola yang serupa. Keadaan ini berlaku kerana majoriti penduduknya mengerjakan ladang kelapa sawit dan ada juga yang menjalankan perniagaan kecil, bekerja di kilang kelapa sawit dan minoriti berkhidmat di sektor pengurusan. Rata-rata sara hidup penduduknya bergantung kepada hasil pendapatan kelapa sawit dan pendapatan per kapita mereka hampir sama sepanjang masa. Faktor ekonomi ini turut memberikan sumbangan terhadap pemupukan minat kerjaya pelajar Felda dalam bidang Konvensional.

Pendapatan penduduk di Felda banyak bergantung kepada hasil jualan kelapa sawit yang bermusim serta bergantung pada harga pasaran hanya cukup untuk menampung keperluan asas mereka. Oleh itu perancangan kewangan mereka dan penggunaan tenaga dilakukan dengan cukup teliti dan rapi. Oleh itu, amalan dan gaya hidup mereka amat menekankan sifat-sifat cermat, tekun, teliti dan sederhana dalam setiap tindak tanduk mereka. Secara tidak langsung, budaya dan gaya hidup sedemikian tersemai dalam sanubari anak-anak mereka serta menjadi pegangan dan tabiat dalam perkembangan hidup anak-anak mereka yang sekaligus menjadikannya sebagai satu gaya yang harus diteruskan dan diamalkan.

Rutin pekerjaan ibu bapa serta anggota masyarakat di Felda sendiri sangat stereotaip. Amalan sedemikian sentiasa dilakukan dan pelaksanaannya adalah konsisten serta merupakan satu amalan biasa kepada masyarakat di Felda. Oleh yang demikian, pekerjaan yang ‘routine oriented’ ini telah membentuk ciri-ciri individu yang mengarah kepada sifat konvensional. Menurut Holland individu yang mempunyai kecenderungan dalam bidang Konvensional digambarkan mempunyai sifat tekun, cermat, teliti dan sederhana telah dapat dikaitkan dalam setiap tindak tanduk mereka. Sifat individu ini menjadi sedemikian kerana suasana persekitaran telah membantu mereka dalam pemupukan sifat tersebut tanpa disedari.

Dapatan menunjukkan 20.3 peratus pelajar berminat dalam bidang ini dan dapatan tersebut dikaitkan dengan situasi kehidupan para pelajar yang tergolong dalam kelompok masyarakat yang menjalani kehidupan berlandaskan norma yang “routine oriented”. Individu yang terbentuk hasil daripada interaksi sosialisasi ini menyebabkan mereka mengalami kehidupan yang serupa dan tidak ada sebarang perubahan yang drastik. Perkaitan yang dapat dijelaskan di sini ialah masyarakat Felda kebanyakan mengamalkan cara hidup yang sederhana, cermat, tekun dan teliti. Oleh sebab cara hidup mereka bersesuaian pula dengan latar belakang pekerjaan yang mengamalkan gaya hidup yang sederhana.

Gambaran terhadap individu yang tergolong dalam minat kerjaya ini sebagai mereka yang mempunyai sifat-sifat yang akur, cermat, tekun, kurang imaginatif, sederhana, teliti dan konsisten. Kegemarannya lebih kepada urusan perkeranian dan perniagaan . Ini amat ketara kerana individu sebegini sentiasa berhadapan dengan situasi dan aktiviti jual beli dalam pemasaran hasil pertanian serta aktiviti

penyimpanan rekod hasil jualan bahan pertanian. Tanpa disedari mereka yang terdedah dengan aktiviti sebegini menerima sebagai satu norma dalam kehidupan mereka. Oleh itu, tugas yang rutin telah memupuk kecekapan mereka untuk merekod, mencatat dan memanipulasikan hasil pertanian dan telah membentuk individu itu menjadi lebih cenderung dan terarah ke bidang Konvensional.

#### **4.3 Perbezaan Minat Kerjaya Antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan**

Jadual 4.3 merujuk kepada kumpulan pelajar lelaki dan perempuan yang berbeza pola minat kerjaya mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih berminat dalam kerjaya Realistik, iaitu seramai 19 orang, diikuti oleh minat dalam bidang Sosial seramai 17 orang. Manakala bidang kerjaya yang kurang diminati ialah bidang Keushawanan, iaitu seramai orang. Bagi pelajar perempuan banyak yang tergolong dalam bidang Sosial, seramai 28 orang, diikuti oleh bidang Konvensional seramai 18 orang, manakala yang paling tidak digemari ialah Realistik kerana hanya seorang sahaja berminat dalam bidang ini.

JADUAL 4. : Perbezaan Minat Kerjaya Antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan

POLA MINAT	JANTINA	
	LELAKI	PEREMPUAN
REALISTIK	19 (33.9%)	1 (1.5%)
INVESTIGATIF	5 (8.9%)	6 (9.0%)
ARTISTIK	3 (5.4%)	11 (16.4%)
SOSIAL	17 (30.4%)	28 (41.8%)
KEUSHAWANAN	5 (8.9%)	3 (4.5%)
KONVENTSIONAL	7 (12.5%)	18 (26.9%)

Khi Kuasa Dua = 28.132      dk= 5      p<0.000\*\*

Jadual 4.3 di atas menunjukkan pola minat kerjaya pelajar lelaki dan pelajar perempuan . Dapat dilihat bahwa bidang utama yang digemari oleh pelajar lelaki ialah bidang Realistik, dimana seramai 19 orang (33.9%) meminatinnya, manakala 17 orang pelajar ( 30.4% ) dalam bidang Sosial. Seramai 7 orang pelajar lelaki (12.5%) berminat dalam bidang Konvensional. . Dapatan juga menunjukkan seramai 5 orang pelajar lelaki (8.9%) mempunyai minat kerjaya dalam bidang - bidang Keushawanan dan Investigatif sebagai keutamaan minat kerjaya yang keempat mereka. Kerjaya yang paling tidak diminati ialah bidang Artistik kerana hanya 3 orang pelajar lelaki ( 5.4%) sahaja yang mempunyai kecenderungan dalam bidang

ini. Boleh dirumuskan bahawa bidang kerjaya yang menjadi pilihan utama serta melebihi kategori 15 % dan ke atas termasuklah Realistik (33.9%) dan Sosial (30.4%). Sebaliknya bidang kerjaya yang di bawah kategori 15% kurang diminati ialah bidang Konvensional (12.5%), Investigatif (8.9%), Keushawanan (8.9%) dan Artistik (5.4%).

Jadual 4.3 di atas juga menunjukkan data tentang minat kerjaya di kalangan pelajar perempuan. Dapatan menunjukkan seramai 28 orang pelajar perempuan (41.8%) meletakkan keutamaan dalam bidang Sosial sebagai bidang kerjaya yang paling digemari , seramai 18 orang ( 26.9 %) pula berminat dalam bidang Konvensional. Ini menunjukkan bidang kerjaya yang paling utama ialah Sosial dan yang kedua diminati ialah Konvensional, iaitu melebihi kadar 20.0%. Manakala bidang kerjaya yang kurang daripada 20% diminati ialah Artistik, seramai 11 orang pelajar (16.4%) sahaja yang berminat. Yang kurang diminati dan kurang ingin diceburi ialah kerjaya dalam bidang Investigatif, iaitu 6 orang (9.0%). Yang benar-benar kurang diminati ialah kerjaya dalam bidang Keushawanan, iaitu 3 orang (4.5%) dan Realistik hanya 1 orang (1.5%). Rumusannya ialah kerjaya dalam bidang Realistik sangat diberikan keutamaan dan diikuti oleh bidang Sosial ingin diterokai oleh pelajar-pelajar tersebut.

Kerjaya dalam bidang Realistik merupakan kerjaya yang paling diminati oleh pelajar lelaki. Individu Realistik merupakan individu yang digambarkan mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam memanipulasikan objek-objek , alat-alat jentera dan bidang kehaiwanaan. Nyata sekali kecenderungan pelajar-pelajar Felda ini lebih mirip

pada kerjaya yang berorientasikan bidang kejenteraan dan teknikal. Individu yang dikategorikan dalam bidang Realistik juga digambarkan mempunyai ciri-ciri personaliti seperti mempunyai emosi yang stabil, berpendirian tegas, suka melahirkan pendapat dan pandangan tetapi kurang melibatkan diri dalam aktiviti sosial. Mereka ini digambarkan juga sebagai individu yang menggemari dan mengutamakan aktiviti yang bercorak fizikal dan ‘outdoor activities’.

Alasan yang boleh menyokong kecenderungan minat kerjaya pelajar lelaki dalam bidang Realistik adalah kerana persekitaran tempat tinggal mereka berorientasikan ekonomi pertanian. Minat dalam bidang pertanian dan kejenteraan semakin sebatی dalam diri pelajar lelaki kerana pendedahan yang begitu luas diperolehi daripada persekitaran mereka dalam bidang tersebut. Di samping itu, anak-anak lelaki selalunya diajar untuk bekerja di ladang bagi menambahkan pendapatan keluarga. Selain itu, penggunaan alat jentera dalam aktiviti pertanian serta pemprosesan hasil pertanian juga sebagai landasan asas terhadap pemupukan kecenderungan minat kerjaya dalam bidang Realistik ini. Tidak dapat dinafikan di kawasan Felda juga terdapat bengkel-bengkel kereta dan motor serta jentera pertanian. Sememangnya, oleh sebab pendapatan keluarga yang sederhana mendorong pelajar-pelajar ini sedaya upaya tidak membebankan ibu bapa dengan cara menjaga harta benda, seperti basikal dan motorsikal dengan baik, mana-mana kerosakan selalunya dibaiki sendiri. Pendedahan sebegini menjadi amalan kebiasaan dalam kehidupan seharian mereka dan tanpa disedari mereka juga menaruh kecenderungan dan minat untuk menerokai bidang tersebut secara perlahan-lahan.

Sebagaimana saranan Holland (1973, 1985 a) bahawa keadaan persekitaran yang dilalui dapat menghasilkan beberapa tingkah laku kerjaya yang dapat diramalkan. Contoh ini amat jelas terpancar pada kecenderungan segolongan pelajar lelaki di Felda ini kerana ada penampilan sifat kelakian serta meminati aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan bidang pertanian dan kejenteraan. Mengikut tradisi dan amalan masyarakat Melayu amat menggalakkan anak lelaki untuk membuat tugas-tugas yang berbentuk fizikal dimana sekaligus dapat mengasuh mereka supaya lebih lasak dalam kerja-kerja yang berbentuk sedemikian. Oleh itu kecenderungan yang ditunjukkan oleh mereka dalam bidang Realistik ini merupakan personaliti segolongan pelajar lelaki Felda yang mana ianya bertepatan dengan tanggapan dan jangkaan anggota masyarakat tempatan terhadap mereka.

Kerjaya dalam bidang Sosial merupakan bidang kerjaya yang kedua diminati oleh pelajar lelaki. Dapatan menunjukkan 17 orang pelajar (30.4%) berminat dalam bidang ini. Ini selari dengan persekitaran yang dialami oleh mereka dimana individu yang tergolong dalam bidang ini digambarkan sebagai mereka yang menggemari suasana dan aktiviti yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti dalam bidang keagamaan, kemasyarakatan dan kemanusiaan. Minat kerjaya ini ada kaitan dengan kemampuan mereka dari segi kebolehan dalam hubungan sesama manusia dan mereka cenderung untuk menolong, responsif, bersosial, kebolehan berinteraksi serta mementingkan nilai hidup bermasyarakat.

Alasan yang boleh menyokong kecenderungan minat kerjaya golongan ini dalam bidang Sosial adalah kerana persekitaran tempat tinggal mereka masih kuat

mengamalkan norma kehidupan yang mementingkan kehidupan bermasyarakat. Ini bermakna aktiviti masyarakat yang berlaku di keliling mereka merupakan aktiviti yang berbentuk kebajikan, kesukarelawanan serta aktiviti yang memupuk nilai dan mengekalkan budaya Melayu, semata-mata untuk mengeratkan hubungan sesama anggota masyarakatnya. Oleh itu, kecenderungan pelajar dalam bidang Sosial ini terbentuk kerana individu ini tinggal dalam persekitaran masyarakat Felda yang banyak membantu pelajar tersebut memupuk minat dalam bidang Sosial melalui pengalaman kendiri.

Dapatan daripada Jadual 4.3 di atas turut membentangkan dapatan minat kerjaya pelajar perempuan yang sangat menggemari bidang Sosial. Individu yang mempunyai minat kerjaya Sosial digambarkan mempunyai minat dan berkecenderungan yang tinggi dalam kemahiran Interpersonal. Fokus utama aktiviti mereka lebih kepada persekitaran yang berbentuk khidmat sosial, aktiviti sukarela serta berupaya membina hubungan sesama anggota masyarakat. Mereka juga digambarkan sebagai golongan yang menggemari suasana dan aktiviti yang berkaitan dengan aktiviti bidang keagamaan, kemasyarakatan dan kemanusiaan. Seseorang yang mempunyai minat kerjaya ini ada kaitan dengan kemampuan dan kebolehan dalam membina hubungan sesama manusia, bertanggungjawab terhadap kebajikan masyarakat, berkebolehan untuk berinteraksi serta mementingkan nilai hidup bermasyarakat.

Alasan yang boleh menyokong dan memantapkan kecenderungan minat kerjaya pelajar perempuan dalam bidang Sosial ialah kerana proses sosialisasi dan

persekitaran yang dialami oleh pelajar tersebut yang tinggal di kawasan majoritinya orang Melayu di mana komunitinya sangat mengamalkan sifat dan norma kehidupan yang mementingkan kehidupan bermasyarakat. Ini bermakna pelajar ini mendapat pendedahan dalam aktiviti – aktiviti kemasyarakatan yang dapat membentuk sahsiah individu tersebut ke arah pengamalan budaya yang mementingkan ketinggian berbudi bahasa, kemahiran interpersonal dan menjalinkan hubungan sesama anggota masyarakatnya. Kalau dikaji dari segi sokongan persekitaran, sememangnya gaya hidup masyarakat sekitar Felda memang banyak membantu mereka menjana pembentukan minat dalam bidang Sosial. Aktiviti masyarakat di persekitaran tempat tinggal mereka banyak mengamal dan membudayakan gaya hidup yang berorientasikan ciri-ciri masyarakat yang saling menghormati, beradab sopan dan mengekalkan sifat kejiran dan tatasusila ketimuran. Sebagaimana saranan Holland (1973, 1985 a) bahawa keadaan persekitaran yang dilalui dapat menghasilkan beberapa tingkah laku kerjaya yang dapat diramalkan. Kriteria tersebut amat jelas ditonjolkan oleh pelajar perempuan di Felda ini yang banyak menampilkan sikap kewanitaan yang mementingkan sifat sopan santun, menjaga tutur kata, mementingkan ikatan persaudaraan serta mempunyai sifat suka membantu demi kepentingan menjamin kesejahteraan keluarga dan komuniti.

Bidang Konvensional ialah bidang kedua tertinggi yang diminati oleh pelajar perempuan. Hampir satu pertiga pelajar perempuan mempunyai minat kerjaya dalam bidang tersebut. Ini selari dengan persekitaran yang dialami oleh mereka kerana individu yang terangkum dalam bidang ini digambarkan sangat menggemari

aktiviti yang bercorak perkeranian dan perkiraan. Individu tersebut juga gemar untuk berhadapan dengan persekitaran yang mengamalkan pemanipulasi data-data secara sistematik seperti menyimpan rekod, butir-butir, maklumat dan data.

Alasan yang boleh menyokong kecenderungan minat kerjaya pelajar perempuan dalam bidang Konvensional ialah kerana suasana dan aktiviti ekonomi yang dijalankan di Felda lebih berorientasikan aktiviti perniagaan pertanian. Pendedahan terhadap urusan jual beli hasil pertanian dan urusan penyimpanan rekod jualan adalah amalan yang penting dalam kehidupan masyarakat tani di sini. Oleh itu, aktiviti harian yang dijalani oleh anggota masyarakat di Felda telah mewujudkan kecenderungan pelajar perempuan yang secara semula jadi mempunyai sifat tekun, teliti, cermat serta akur. Secara tidak langsung fenomena begini boleh mendorong mereka untuk menanam minat kerjaya yang sedemikian, tambahan pula mereka kerap membantu ibu bapa dalam urusan harian keluarga. Dalam hal sedemikian, sikap bertanggungjawab dalam membantu keluarga lama kelamaan terbina yang boleh memberikan kesan dalam pemupukan minat kerjaya dalam bidang Konvensional.

Dapatan kajian ini juga mengemukakan satu gambaran yang agak ketara kerana minat kerjaya dalam bidang Sosial bukan sahaja paling diminati oleh pelajar perempuan. Tetapi jika dilihat data secara teliti melalui dapatan di atas turut menunjukkan bahawa pelajar lelaki juga mempunyai minat kerjaya yang tinggi dalam bidang ini kerana terdapat 17 orang daripada 56 orang pelajar lelaki (30.4%) yang mempunyai minat kerjaya dalam bidang Sosial. Walaupun keutamaan minat kerjaya pelajar lelaki ialah dalam bidang Realistik iaitu 19 orang ( 33.9%) namun dapatan

juga menunjukkan yang pelajar lelaki mempunyai minat kerjaya dalam bidang Sosial. Oleh itu, dapatan menunjukkan minat kerjaya lelaki dalam bidang Realistik bukanlah satu yang sangat dominan. kerana dapatan turut menunjukkan bahawa hampir satu pertiga pelajar lelaki turut menunjukkan yang mereka mempunyai minat kerjaya dalam bidang Sosial.

Rumusan yang dapat diberikan ialah pelajar lelaki mempunyai minat kerjaya yang tinggi dalam bidang Realistik manakala pelajar perempuan menampilkan minat kerjaya yang tinggi dalam bidang Sosial.

Ujian Khi Kuasa Dua digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan atau tidak. Dapatan menunjukkan bahawa skor bagi khi kuasa dua ialah 28.132 pada kebarangkalian  $< 0.000$  pada tahap 0.5. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

#### **4.4 Perbezaan Minat Kerjaya Antara Pelajar Aliran Sains dan Aliran Kemanusiaan.**

Bahagian ini akan membentangkan hasil dapatan tentang pola minat kerjaya pelajar dari aliran Sains dan aliran Kemanusiaan. Seramai 52 orang pelajar dari aliran Sains manakala pelajar dari aliran Kemanusiaan seramai 71 orang. Pelajar tersebut dikategorikan kepada dua aliran dengan berdasarkan pada keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Jadual 4.4 : Perbezaan Minat Kerjaya Antara Pelajar Aliran Sains dan Pelajar Aliran Kemanusiaan

Minat Kerjaya	Aliran Pengajian	
	Sains	Kemanusiaan
Realistik	7 (13.5%)	13 (18.3 %)
Investigatif	6 (11.5%)	5 (7.0%)
Artistik	3 (5.8 %)	11 (15.5%)
Sosial	15 (28.8 %)	30 (42.3%)
Keushawanan	2 (3.8 %)	6 (8.5 %)
Konvensional	19 (36.5 %)	6 (8.5 %)

<sup>a</sup>Khi Kuasa Dua =17.71      dk= 5      p <0.003\*\*

Jadual 4.4 di atas membentangkan data yang berkaitan dengan perbezaan minat kerjaya antara pelajar aliran Sains dan pelajar aliran Kemanusiaan. Minat kerjaya yang utama di kalangan pelajar aliran Sains ialah dalam bidang Konvensional dimana 19 orang (36.5%) daripada 52 orang pelajar dalam aliran tersebut yang meminati. Manakala 15 orang pelajar (28.8%) pula mempunyai minat dalam bidang Sosial. Bidang-bidang yang kurang diminati ialah bidang Realistik dimana seramai 7 orang pelajar (13.5%) yang mempunyai kecenderungan dalam bidang ini, manakala bidang Investigatif hanya diminati oleh iaitu seramai 6 orang (11.5%). Hanya 3 orang pelajar aliran Sains (5.8%) yang mempunyai minat

dalam bidang Artistik, manakala hanya 2 orang pelajar sahaja (3.8%) mempunyai minat dalam bidang Keushawanan.

Jadual 4.4 juga membentangkan dapatan kajian tentang minat kerjaya untuk pelajar aliran Kemanusiaan. Tiga bidang kerjaya yang diminati ialah bidang Sosial dimana 30 orang (42.3%) meminatinya, bidang Realistik 13 orang (18.3%) meminatinya dan bidang Artistik dimana 11 orang (15.5%) mempunyai minat dalam bidang Artistik itu. Bidang-bidang yang kurang diminati ialah bidang Keushawanan dan Konvensional diminati oleh seramai 6 orang atau 8.5 peratus dan bidang Investigatif yang hanya diminati oleh 5 orang (7.0%) sahaja.

Bagi pelajar aliran Sains minat kerjaya yang jelas ada pada mereka ialah dalam bidang Konvensional. Holland (1985a) mengatakan bahawa individu yang tergolong dalam Konvensional mempunyai minat dan kecenderungan untuk memanipulasikan data secara sistematik dan berkeupayaan serta cekap dalam mengisi data menyimpan rekod tersebut.

Individu dalam kategori ini menggemari suasana dan aktiviti yang berkait secara langsung dalam bidang perkiraan dan pemanipulasian data. Mereka juga digambarkan mempunyai sifat akur, cermat, tekun, teratur, kurang imaginatif, cekap serta sistematik. Ini bertepatan dengan kriteria pelajar aliran Sains yang menjalani latihan amali dimana ia memerlukan banyak konsentrasi yang tinggi serta perlu bersifat konsisten. Minat kerjaya dalam bidang ini juga berkaitan dengan

kemampuan individu yang ada minat dan bakat terhadap aspek pengiraan dan penyimpanan maklumat serta data , terutama mereka ini dikategorikan dalam golongan yang mempunyai bakat dan keupayaan dalam bidang Matematik.

Alasan yang boleh menyokong kecenderungan minat kerjaya pelajar Sains dalam bidang Konvensional kerana mereka berkeupayaan dan berminat dalam bidang Matematik dan Sains. Tambahan pula pendedahan dalam aktiviti amali Sains yang sentiasa ada aktiviti merekodkan hasil eksperimen . Oleh itu, kesan proses pengajaran dan pembelajaran ini dapat membentuk dan memantapkan minat kerjaya dalam bidang Konvensional. Di samping itu, pendedahan secara langsung terhadap urusan aktiviti jual beli hasil-hasil pertanian antara peneroka dengan pihak pengurusan pemasaran Felda turut meningkatkan kecenderungan pelajar terhadap bidang Konvensional. Dalam urusan jual beli berlaku proses pengiraan dan penyimpanan rekod hasil jualan bahan pertanian di kalangan para peneroka dengan pihak pengurus jualan. Keutamaan terhadap minat kerjaya dalam bidang Konvensioanl bertambah mantap oleh sebab mereka memperoleh maklumat melalui pengalaman kendiri melalui sokongan faktor persekitaran yang wujud.

Bidang Sosial merupakan bidang minat kerjaya yang kedua tertinggi digemari oleh pelajar aliran Sains. Dapatkan menunjukkan bahawa seramai 15 orang pelajar (28.8%) meminati dan mempunyai kecenderungan dalam bidang tersebut. Dapatkan ini menunjukkan satu pertiga pelajar aliran Sains, iaitu melebihi 20.0% pelajar yang menggemari bidang ini. Individu dalam golongan ini digambarkan mempunyai keupayaan dalam memberikan khidmat terapi serta aktiviti kebajikan. Individu ini

digambarkan mempunyai bakat dan keupayaan serta kemampuan yang tinggi dari segi menjalinkan hubungan sesama manusia. Mereka juga berkecenderungan untuk menolong, bersikap responsif serta bertanggungjawab dalam menjalinkan hubungan sosial. Sebagai pelajar aliran Sains ciri-ciri awal untuk menceburi bidang sains, khususnya bidang psikiatrik sudah mula terbina.

Kecenderungan pelajar Sains dalam bidang Sosial adalah disokong oleh faktor persekitaran pelajar tersebut yang secara kebetulan sentiasa di lingkungi oleh aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan. Oleh itu sikap saling membantu dalam aktiviti harian mulai tersemai dalam sanubari mereka yang menyebabkan kecenderungan dalam bidang Sosial ini semakin ketara. Di samping itu, pelajar aliran Sains yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar yang berpencapaian akademik tinggi juga sering mengelolakan dan menyelaraskan sesuatu aktiviti persatuan di sekolah, sama ada aktiviti badan beruniform ataupun tidak. Di samping itu, kumpulan ini juga diberikan kepercayaan untuk menjadi pemimpin atau wakil pelajar berdasarkan pencapaian akademik dan bakat yang sedia ada. Ini bertepatan dengan keupayaan akademik mereka sebagai pelajar daripada aliran Sains dan selari dengan saranan Holland (1985a)

Sementara itu, data kajian menunjukkan pelajar daripada aliran Kemanusiaan meletakkan kecenderungan minat kerjaya yang paling tinggi dalam bidang Sosial kerana sebahagian besar pelajar-pelajar tersebut menggemari dan memberikan keutamaan dalam bidang ini. Individu yang tergolong dalam kelompok ini digambarkan mempunyai minat dan berkecenderungan dalam kerjaya Sosial yang

jelas mempunyai keupayaan dalam aktiviti yang berkaitan dengan hal-hal kemasyarakatan, kebajikan dan kemanusiaan di samping mempunyai kemahiran Interpersonal yang tinggi. Fokus utama aktiviti mereka lebih kepada persekitaran yang berbentuk khidmat sosial dan hubungan kemasyarakatan.

Individu sebegini juga menggembari suasana dan aktiviti yang berkait rapat dengan aktiviti dalam bidang keagamaan, kemasyarakatan dan kemanusiaan. Minat kerjaya ini ada kaitan dengan kemampuan mereka dari segi keinginan dalam membina hubungan sesama manusia dan berkecenderungan untuk menolong, bersikap responsif, berpandangan terbuka, peramah dan mampu menjalinkan hubungan sesama anggota masyarakat.

Alasan yang boleh menyokong dan memantapkan kecenderungan minat kerjaya pelajar aliran Kemanusiaan dalam bidang Sosial kerana proses sosialisasi dan persekitaran pelajar tersebut yang tinggal di kawasan majoriti dimonopoli oleh orang Melayu yang sangat mengamalkan corak kehidupan yang mementingkan kehidupan bermasyarakat. Ini bermakna mereka sentiasa dilingkungi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dapat memupuk sahsiah dan tingkah laku individu ke arah amalan budaya yang mementingkan ketinggian berbahasa, kemahiran interpersonal dan membina jalinan hubungan sesama anggota masyarakat. Aktiviti –aktiviti sedemikian termasuklah aktiviti keugamaan, majlis perkahwinan, kematian, sambutan hari-hari kebesaran orang Islam, serta segala bentuk aktiviti gotong – ropong yang dijalankan demi menjaga keharmonian kawasan Felda. Interaksi dan pertemuan kerap dilaksanakan di masjid, surau, balai raya , balai Rukun Tetangga, Pusat

Kegiatan Belia, Bilik dan Bilik Koperasi Felda. Pertemuan yang berlangsung berlaku sama ada secara formal ataypun tidak telah sedikit sebanyak menjana ke arah jalinan hubungan yang positif. Oleh itu, proses sosialisasi dan persekitaran pelajar tersebut yang mengutamakan semangat kejiranan banyak membentuk sahsiah dan tingkah laku pelajar Felda dan selaras membantu mereka dalam membentuk keutamaan dalam bidang Sosial.

Kerjaya dalam bidang Sosial diminati oleh pelajar aliran Kemanusiaan kerana amalan dan budaya hidup persekitaran tempat tinggal pelajar tersebut adalah menjurus kepada amalan yang berorientasikan ciri-ciri masyarakat yang mengutamakan sikap saling menghormati, beradab sopan dan mengekalkan sikap mementingkan kejiranan serta masih lagi mengekalkan tatasusila ketimuran. Sebagaimana saranan Holland (1973, 1985 a) bahawa keadaan persekitaran yang dilalui dapat menghasilkan beberapa tingkah laku kerjaya yang dapat diramalkan

Dapatkan juga menunjukkan bahawa kerjaya dalam bidang Realistik menjadi minat kerjaya kedua diminati oleh pelajar aliran Kemanusiaan. Data menunjukkan 18.3 peratus pelajar , yang bermakna satu perempat daripada pelajar aliran Kemanusiaan menggemari bidang tersebut. Ini seajar dengan kebolehan pelajar tersebut kerana individu yang tergolong dalam bidang ini digambarkan sebagai mereka yang mempunyai minat dan berkecenderungan dalam memanipulasikan objek-objek , alat-alat jentera dan bidang kehaiwanan. Nyata sekali kecenderungan mereka adalah terhadap pekerjaan bertani dan bidang teknikal. Individu yang dikategorikan dalam golongan ini digambarkan sebagai seorang yang berupaya

menampilkkan personaliti yang positif, berupaya menyampaikan pandangan, berpendirian tegas namun kurang bersosial. Individu ini digambarkan mengutamakan aktiviti bercorak luar menggunakan daya fizikal yang tinggi.

Kerjaya dalam bidang Realistik digemari oleh pelajar aliran Kemanusiaan dan ia sangat berkait rapat dengan situasi persekitaran tempat tinggal mereka yang berorientasikan ekonomi pertanian. Aktiviti – aktiviti dalam bidang pertanian termasuk pengendalian alat – alat kejenteraan pertanian semakin sebatи dalam diri pelajar kerana pelajar diberikan tanggungjawab dalam membantu ibu bapa mereka melakukan tugas-tugas di ladang kelapa sawit pada masa lapang mereka. Sebagai pelajar aliran Kemanusiaan mereka juga mendapat pendedahan dalam mata pelajaran Sains Pertanian yang mana pengajaran dan pembelajaran banyak menjurus ke arah aktiviti dalam sektor pertanian. Sebagaimana saranan Holland (1973, 1985 <sup>a</sup>) bahawa keadaan persekitaran yang dilalui dapat menghasilkan beberapa tingkah laku kerjaya yang dapat diramalkan. Contoh ini amat jelas kepada pelajar aliran Kemanusiaan di Felda ini yang menampilkkan sikap ekstrovert dan meminati bidang yang berbentuk lasak dan menggunakan tenaga fizikal seperti pengendalian alat – alat kejenteraan pertanian.

Ujian Khi Kuasa Dua digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan atau tidak. Dapatkan menunjukkan bahawa skor bagi khi kuasa dua ialah 17.71 pada kebarangkalian  $< 0.003$  pada tahap 0.5. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan minat kerjaya antara pelajar aliran Sains dan pelajar aliran Kemanusiaan

#### **4.5 Perbezaan Minat Kerjaya Antara Pelajar Berpencapaian Tinggi, Sederhana dan Berpencapaian Rendah.**

Bahagian ini akan membincangkan pola minat kerjaya pelajar mengikut pencapaian akademik mereka yang diklasifikasikan mengikut keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Seramai 24 orang pelajar dalam kategori berpencapaian akademik tinggi, 76 orang pelajar dalam kategori pencapaian akademik sederhana dan 23 orang pada tahap pencapaian akademik rendah.

JADUAL 4.5 : Perbezaan Minat Kerjaya Di Kalangan Pelajar Berpencapaian Akademik Tinggi, Berpencapaian Akademik Sederhana dan Berpencapaian Akademik Rendah

MINAT KERJAYA	TAHAP PENCAPAIAN		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
REALISTIK	6 (26.1%)	9 (11.8%)	5 (20.8%)
INVESTIGATIF	-	5 (6.6%)	6 (25.0%)
ARTISTIK	1 (4.3%)	12 (15.8%)	1 (4.2%)
SOSIAL	9 (39.1%)	31 (40.8%)	5 (20.8%)
KEUSHAWANAN	2 (8.7%)	5 (6.6%)	1 (4.2%)
KONVENSIONAL	5 (21.7%)	14 (18.4%)	6 (25.0%)

Khi Kuasa Dua =18.257 dk=10 p < 0.05\*\*

Jadual 4.5 menunjukkan minat kerjaya pelajar mempunyai pelbagai tahap pencapaian akademik. Hampir sebahagian besar daripada pelajar berpencapaian akademik tinggi mempunyai minat kerjaya dalam bidang Investigatif dan Konvensional, iaitu 6 orang (25.0%), manakala 5 orang pelajar ( 20.8%) daripada pencapaian akademik tinggi mempunyai minat kerjaya dalam bidang Realistik dan Sosial. Hanya 1 orang (4.2%) pelajar yang mempunyai tahap pencapaian akademik tinggi menggemari bidang Artistik dan Keushawanan. Ini bermakna kerjaya yang

oleh pelajar yang berpencapaian akademik tinggi ialah dalam bidang Investigatif dan Konvensional (25.0%), Realistik dan Sosial (20.8%) .

Seramai 31 orang pelajar (40.8 %) yang berpencapaian akademik sederhana berminat dalam bidang Sosial sementara 14 orang (18.4%) berminat dalam bidang Konvensional . Ini bermakna bidang Sosial merupakan bidang yang paling diminati di kalangan pelajar tersebut. Bidang kerjaya ketiga diminati ialah bidang Artistik dimana seramai 12 orang pelajar (15.8%) mempunyai kecenderungan dalam bidang ini ,manakala bidang keempat ialah bidang Realistik , dimana seramai 9 orang ( 11.8 %) yang membuat pilihan tersebut. Bidang Investigatif dan Keusahawanan adalah bidang kerjaya yang paling tidak diminati oleh para pelajar ini dimana 5 orang ( 6.6%) sahaja yang berminat dalam bidang tersebut.

Pelajar yang mempunyai pencapaian akademik rendah paling ramai berminat dalam bidang Sosial. Dapatan menunjukkan bahawa seramai 9 orang pelajar ( 39.1%) yang mempunyai minat kerjaya dalam bidang Sosial. Ini diikuti dengan minat dalam bidang Realistik, dimana 6 orang pelajar ( 26.1%), manakala yang ketiga ialah bidang Konvensional dimana seramai 5 orang ( 21.7%) meminatinya. Manakala 2 orang pelajar (8.7%) sahaja yang berpencapaian akademik rendah mempunyai minat dalam bidang Keushawanan . Bidang Artistik adalah bidang kedua kurang diminati oleh para pelajar dimana hanya 1 orang (4.3%) sahaja yang meminatinya . Manakala bidang Investigatif tidak diminati langsung oleh para pelajar yang berpencapaian akademik rendah.

Data menunjukkan bahawa pelajar berpencapaian akademik tinggi mempunyai minat kerjaya yang tinggi dalam bidang Investigatif dan Konvensional. Individu yang tergolong dalam bidang Investigatif adalah individu yang berupaya mengendalikan keadaan persekitarannya dengan menggunakan daya kecerdasannya untuk memanipulasikan idea-idea, perkataan-perkataan dan simbol-simbol. Individu ini digambarkan sebagai seseorang yang mengutamakan aktiviti yang melibatkan penyiasatan atau pemerolehan maklumat secara pemerhatian terhadap fenomena fizikal dan biologi. Minat dan kecenderungannya adalah terhadap bidang yang bercorak saintifik dan kerja-kerja yang bercorak teoritis.

Alasan yang pelajar berpencapaian akademik tinggi mempunyai minat dalam bidang ini kerana daya keintelektualan mereka yang tinggi. Oleh itu minat dan bakat mereka mungkin lebih tertumpu pada aktiviti yang melibatkan penyiasatan dan penyelidikan terhadap sesuatu fenomena. Kumpulan ini juga merupakan pelajar dari aliran Sains yang memperoleh keputusan peperiksaan yang tinggi dalam Penilaian Menengah Rendah.

Bidang Konvensional yang juga paling digemari oleh pelajar yang berpencapaian akademik tinggi di mana mereka meletakkan keutamaan dalam aktiviti – aktiviti yang membolehkan mereka memanipulasikan data-data serta membuat pengiraan secara sistematik. Persekutuan yang digemari juga yang bersangkutan dengan perkara-perkara yang bersangkutan dalam bidang Matematik.

Alasan yang boleh diberikan terhadap pelajar yang mempunyai minat yang tinggi dalam bidang Konvensional kerana mereka merupakan kumpulan pelajar yang tergolong dalam kumpulan yang memperoleh keputusan peperiksaan yang tinggi semasa PMR. Tambahan pula, persekitaran yang didiami memang sentiasa dilingkungi oleh aktiviti yang melibatkan proses jual beli hasil pertanian. Ini dapat diperhatikan semasa mereka membantu ibu bapa mereka di ladang , atau semasa membantu ibu bapa menghantar hasil pungutan lading ke kilang dan sebagainya. Lama kelamaan minat serta bakat yang ada dapat membantu mereka memupuk sikap pada bidang ini.

Data juga menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar berpencapaian akademik sederhana berminat dalam bidang Sosial. Sepertimana yang diketahui individu yang tergolong dalam minat kerjaya Sosial digambarkan mempunyai minat dan kemahiran Interpersonal yang tinggi. Fokus utama aktiviti mereka lebih kepada persekitaran yang berbentuk khidmat masyarakat dan hubungan sosial. Individu sebegini menggemari suasana dan aktiviti yang berkait langsung dalam bidang keagamaan dan kemasyarakatan. Minat kerjaya ini ada kaitan dengan kemampuan mereka dari segi keinginan dalam menjalankan hubungan sesama manusia dan kecenderungan menolong, peramah, bersikap responsif, bersosial, dan mementingkan hal ehwal kemasyarakatan.

Alasan yang boleh menyokong kecenderungan minat kerjaya pelajar yang berpencapaian akademik sederhana dalam bidang Sosial adalah aktiviti persekitaran pelajar tersebut yang tinggal di dalam komuniti yang mengamalkan sifat dan norma

kehidupan yang mementingkan kehidupan bermasyarakat. Ini bermakna mereka sentiasa dikelilingi oleh aktiviti – aktiviti yang membentuk sahsiah dan tingkah laku individu yang mengutamakan amalan dan budaya persekitaran yang mementingkan kemahiran interpersonal dan hubungan sesama manusia. Kalau dikaji dari segi sokongan persekitaran sememangnya gaya hidup masyarakat sekeliling di kalangan pelajar Felda memang banyak membantu mereka untuk membentuk keutamaan dalam bidang Sosial ini. Ini dapat diperhatikan dalam masyarakat Felda banyak program kekeluargaan dan kemasyarakatan dilaksanakan seperti majlis perayaan menyambut hari kebesaran, perkahwinan, kenduri kendara dan seumpamanya yang memerlukan khidmat tenaga secara sukarela daripada anggota masyarakat setempat sama ada lelaki atau perempuan, kecil atau besar. Ini bermakna kecenderungan minat dalam kerjaya Sosial terasuh dan terbimbing melalui pengalaman kendiri yang dilalui oleh anak-anak tersebut.

Bidang Konvensional ialah bidang minat kerjaya yang kedua digemari oleh pelajar berpencapaian akademik sederhana. Ini sejajar dengan keupayaan mereka kerana individu yang terangkum dalam bidang ini digambarkan sebagai mereka yang mempunyai sifat akur, cermat, tekun, bersikap kawal kendiri yang positif dan teratur. Di samping itu, golongan ini menghadapi persekitaran yang berkaitan dengan kegiatan yang direstui oleh masyarakat.

Dapatan menunjukkan hampir lebih 18.4 peratus pelajar atau seramai 14 orang pelajar yang berminat dalam bidang Konvensional sekaligus dapat dikaitkan dengan situasi kehidupan para pelajar yang tergolong dalam kelompok masyarakat

yang mempunyai norma kehidupan yang “routine oriented”. Individu yang terbentuk hasil daripada interaksi sosialisasi begini menyebabkan mereka menjalani kehidupan yang stereotaip dan tidak ada sebarang perubahan yang drastik. Oleh itu, gambaran terhadap individu yang tergolong dalam kerjaya ini dikatakan sebagai mereka yang mempunyai sifat-sifat yang akur, cermat, tekun, teliti serta kurang imaginatif. Kegemarannya lebih kepada urusan perkeranian dan perniagaan. Ini amat ketara kerana individu yang berpencapaian akademik sederhana sentiasa berhadapan dengan situasi sebagai anak peneroka Felda yang melihat aktiviti jual beli dalam pemasaran hasil pertanian dan penyimpanan rekod hasil tersebut. Tanpa disedari mereka yang terdedah dengan aktiviti sebegini menerima sebagai satu norma dalam kehidupan mereka. Oleh itu, pemupukan sikap ke arah kecekapan merekod dan mencatat hasil pertanian secara langsung telah membentuk individu itu menjadi lebih cenderung dan terarah ke dalam bidang Konvensional. Pemupukan sikap tekun, akur dan cermat juga sangat berkait rapat dengan situasi kewangan keluarga mereka. Fenomena ini wujud kerana mereka tidak dibesarkan dalam kemewahan harta benda tetapi segala yang ingin diperolehi adalah bergantung semata-mata daripada hasil tulang empat kerat. Dengan sebab itu, pelajar-pelajar tersebut amat sedar dan peka akan situasi yang dilalui dan mereka banyak mencontohi sikap berjimat cermat serta tekun dalam sebarang urusan kehidupan dan proses ini membentuk sikap dan sahsiah mereka.

Data dalam Jadual 4.5, menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai pencapaian akademik rendah mempunyai minat kerjaya dalam bidang Sosial. Individu yang tergolong dalam bidang Sosial digambarkan mempunyai minat dan kemahiran Interpersonal yang tinggi. Fokus utama aktiviti mereka lebih kepada persekitaran

ing menawarkan perkhidmatan masyarakat dan jalinan hubungan sosial. Oleh itu, individu sebegini menggemari aktiviti yang berorientasikan aktiviti keagamaan, emasyarakat dan kebajikan. Minat kerjaya ini sangat berkait rapat dengan kemampuan mereka dari segi keinginan dalam membina hubungan sesama manusia dan kecenderungan menolong, bersikap responsif, bersosial, peramah dan mementingkan hal ehwal kemasyarakatan. Ini dapat diperhatikan bahawa anak-anak di Felda dari kecil diasuh untuk mengutamakan kehidupan berjiran dan keadaan ini merupakan kuat dengan lokasi kedudukan mereka yang berdekatan antara satu sama lain. Dari kecil hingga dewasa mereka mempunyai rakan sebaya yang sama dan mereka tidak dapat lari daripada situasi tersebut. Oleh itu, proses perkembangan diri anak-anak ini turut dipengaruhi oleh faktor rakan sebaya yang saling membentuk tingkah laku dan sahsiah masing-masing.

Alasan yang munasabah untuk menyokong kecenderungan minat kerjaya pelajar yang berpencapaian akademik rendah dalam bidang Sosial adalah kerana persekitaran pelajar tersebut yang tinggal di kawasan yang mengamalkan sifat dan norma kehidupan yang mementingkan kehidupan bermasyarakat. Ini menunjukkan amalan dan budaya dalam kehidupan seharian banyak dipengaruhi oleh aktiviti yang bercirikan aspek pemupukan semangat bekerjasama serta menyemai sikap mendalam kemahiran Interpersonal. Fenomena ini jika ditinjau secara lebih terperinci memang menyokong dapatan kajian kerana sokongan daripada keadaan persekitaran sememangnya menunjukkan bahawa gaya hidup masyarakat di sekeliling banyak membantu mereka dalam pembentukan minat yang memberikan keutamaan dalam bidang Sosial.

Bidang Realistik adalah bidang kedua tertinggi diminati oleh pelajar yang berpencapaian akademik rendah. Seramai 6 orang daripada 23 orang daripada kategori ini atau satu perempat pelajar tersebut menggemari bidang tersebut. Ini sejajar dengan kebolehan pelajar tersebut kerana individu yang terangkum dalam bidang ini digambarkan sebagai mereka yang mempunyai minat dan berkecenderungan dalam memanipulasikan objek-objek , alat-alat jentera dan bidang kehewanan. Nyata sekali kecenderungan mereka adalah terhadap pekerjaan bertani dan bidang teknikal. Individu yang dikategorikan dalam golongan ini digambarkan sebagai seseorang yang bersifat yakin diri, stabil emosi, serta gemar meneroka. Individu ini digambarkan sebagai golongan yang mengutamakan aktiviti bercorak fizikal dan ‘outdoor activity’.

Alasan yang boleh menyokong kecenderungan minat kerjaya pelajar yang berpencapaian akademik rendah dalam bidang Realistik adalah kerana persekitaran tempat tinggal mereka mengutamakan aktiviti berorientasikan ekonomi pertanian. Minat dalam bidang pertanian dan menggunakan alatan kejenteraan semakin sebat dalam diri pelajar sebegini kerana mereka mengalami pendedahan yang luas serta gemar mencuba dalam bidang ini. Keadaan ini sangat ketara kerana mereka kerap membantu ibu bapa mereka dalam kerja – kerja bertani bagi menambahkan pendapatan. Tidak dinafikan, pada hujung minggu atau cuti sekolah, mereka mengambil upah di ladang kelapa sawit atau kerja-kerja ladang bagi menambahkan pendapatan keluarga. Pelajar-pelajar ini biasa dengan kerja-kerja berbentuk lasak dan

menggunakan tenaga fizikal kerana itulah antara sumber rezeki yang ada serta pekerjaan tersebut merupakan norma anak-anak muda di Felda.

Selain itu, aliran pengajian akademik mereka juga berasaskan kemahiran hidup termasuk kelas pertukangan dan kajisawat. Kekerapan dalam pengendalian alat-alat kejenteraan telah mendorong minat dalam aktiviti yang berlandaskan Sebagaimana saranan Holland (1973, 1985 a) bahawa keadaan persekitaran yang dilalui dapat menghasilkan beberapa tingkah laku kerjaya yang dapat diramalkan. Contoh ini amat jelas terpancar dalam personaliti pelajar di Felda yang menunjukkan sikap ‘ekstrovert’ dan meminati aktiviti yang berorientasikan alat-alat kejenteraan dan mampu mengendalikan kerja-kerja dalam bidang pertanian.

Dapatan daripada data kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar yang berpencapaian akademik sederhana dan pelajar berpencapaian akademik rendah mempunyai keutamaan minat kerjaya dalam bidang Sosial , sementara pelajar yang berpencapaian akademik tinggi meminati bidang Investigatif / Konvensional.

Ujian Khi Kuasa Dua digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan atau tidak. Dapatan menunjukkan bahawa skor bagi khi kuasa dua ialah 18.257 pada kebarangkalian  $< 0.05$  pada tahap 0.5. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara pelajar yang mempunyai pencapaian akademik tinggi, sederhana dan rendah.